

ATURAN SKIM PELABURAN AR-RAHNU

A. TAJUK

1. Aturan ini dinamakan Aturan Skim Pelaburan Ar-Rahnu Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
2. Aturan ini diwujudkan dibawah UUK 57.(1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya deposit atau pinjaman.
3. Aturan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Khas Ke-2, Tahun 2022/2023 pada 16 Jun 2023 dan akan dikuatkuasakan selepas Mesyuarat Agung Koperasi NSTP Ke-55 pada 25 Jun 2023 dan dimaklumkan kepada Suruhanjaya.

A. OBJEKTIF

Objektif Skim Pelaburan Ar-Rahnu diwujudkan bagi membantu anggota menyimpan dan memperolehi kadar pulangan yang baik.

B. DEFINISI

Dalam aturan ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain :-

- a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa.
- b) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- c) 'Koperasi ini' maknanya Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- d) 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- e) 'Pegawai' maknanya seorang pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga dan termasuklah mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Peraturan atau Undang-undang kecil ini untuk memberikan arahan-arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta.
- f) 'Undang-undang Kecil' maknanya Undang-undang Kecil Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad termasuklah pindaan berdaftar kepada Undang-undang Kecil ini.
- g) 'Pelaburan' maknanya suatu kegiatan menanamkan modal atau wang melalui pembelian instrumen kewangan atau aset baik secara langsung maupun tidak untuk kegunaan lanjut dengan harapan pemilik modal akan mendapatkan sejumlah keuntungan atau manfaat dalam bentuk bayaran faedah, pendapatan, atau pulangan.

C. SUMBER DAN KEGUNAAN KEWANGAN

- 1) Minimum pelaburan adalah RM1,000.
- 2) Peruntukan Skim Pelaburan Ar-Rahnu adalah RM1,000,000.
- 3) Pelaburan ini akan digunakan untuk menjalankan aktiviti Ar-Rahnu.

D. PENGURUSAN KEWANGAN

Deposit yang diterima bagi tujuan Skim Pelaburan - Ar-Rahnu akan diuruskan oleh Pengurusan Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad dan dikawal selia oleh Anggota Lembaga Koperasi .

Ahli Jawatankuasa Risiko akan bertanggungjawab untuk menilai risiko kewangan Skim Pelaburan Ar-Rahnu ini dari masa ke semasa.

E. PROSES ALIRAN KERJA

- a) Anggota perlu mengisi Borang Permohonan Skim Pelaburan - Ar-Rahnu dengan lengkap.
- b) Pemohon perlu menetapkan tempoh matang setiap pelaburan tersebut.
- c) Lembaga adalah berkuasa pada keseluruhannya menerima atau menolak sesuatu permohonan daripada anggota.
- d) Anggota perlu membayar amaun pelaburan melalui pilihan cara berikut :-
 - potongan gaji (selama 12 bulan) atau;
 - pindahan wang ke akaun Koop NSTP
- e) Koop NSTP akan sediakan sijil Pelaburan dan Prospektus bagi tujuan simpanan pemohon.
- f) Koop NSTP hendaklah membayar kadar pulangan yang dipersetujui dan juga wang pokok yang anggota laburkan pada tarikh tempoh matang.

F. KADAR PULANGAN ATAS PELABURAN

Pulangan Skim Pelaburan Ar-Rahnu adalah seperti berikut :-

TEMPOH MATANG (bulan)	KADAR KEUNTUNGAN % (Setahun)
12	
18	4.00
24	-
36	4.50
48	

Kadar pulangan di atas boleh berubah mengikut pasaran kewangan semasa dan risiko pelaburan.

Formula kiraan :

Contoh : Pelaburan : RM5,000
Tempoh Matang : 24 bulan
Pulangan setahun yang akan diterima adalah

$$RM5,000 \times 4.50\% = RM225.00$$

Maka :

Pada tempoh matang iaitu 24 bulan.

$$\begin{aligned} \text{Koperasi akan bayar balik} &= \text{Pelaburan Ar-Rahnu Pokok + pulangan} \\ &= RM5,000 + RM225.00 + RM225.00 \\ &= RM5,450.00 \end{aligned}$$

G. PENAMATAN ATAU PENGELUARAN SKIM PELABURAN AR-RAHNU

Anggota dibenarkan menamatkan dan mengeluarkan Skim Pelaburan Ar-Rahnu dengan mengisi Borang Penamatan.

Kadar pulangan yang akan diberikan adalah seperti berikut :-

PENAMATAN (bulan)	KADAR KEUNTUNGAN % (Setahun)
< 12	Tiada
13 - 17	3.50
18 - 23	-
24	4.00
36 - 45	

Kadar pulangan di atas adalah boleh berubah mengikut pasaran kewangan semasa dan risiko pelaburan.

Koperasi NSTP perlu membayar balik kepada anggota dalam tempoh sebulan dari tarikh borang penamatan diterima.

H. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Suruhanjaya mengikut Undang-undang Kecil 80 (1).